

# **PERMASALAHAN DI KALANGAN GURU BERKELUARGA YANG MELANJUTKAN PELAJARAN DI UNIVERSITI**

Ahmad Johari Bin Hj Sihes,  
Abdul Rahin Bin Hamdan,  
Jamaluddin Bin Ramli &  
Norazwa Binti Yeop Kamarudin  
Universiti Teknologi Malaysia

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau permasalahan di kalangan guru yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran di universiti. Persoalan yang dikaji menyentuh aspek hubungan kekeluargaan, kewangan, pembelajaran, pengurusan masa, dan hubungan dengan masyarakat. Responden yang terlibat terdiri daripada 70 lelaki dan 30 perempuan. Instrumen kajian berbentuk soal selidik yang memuatkan item-item untuk mendapatkan maklumat mengenai latarbelakang responden dan persoalan kajian. Skala yang digunakan merupakan skala Likert. Berdasarkan hasil dapatan data yang dianalisis, menunjukkan bahawa responden mempunyai masalah dari aspek hubungan kekeluargaan, pembelajaran, pengurusan masa dan hubungan dengan masyarakat dalam tahap masalah sederhana rendah manakala masalah kewangan dalam tahap sederhana tinggi.

## **PENGENALAN**

Matlamat Kementerian Pelajaran untuk memastikan semua guru di sekolah adalah berkelulusan ijazah menyebabkan program pensiswazahan guru berkelulusan sijil atau diploma diwujudkan di universiti awam. Golongan guru ini mahu tidak mahu, terpaksa melanjutkan pelajaran melalui program pensiswazahan ini untuk membolehkan mereka terus berkhidmat dan memenuhi matlamat pendidikan negara.

Ada juga di kalangan guru yang menyambung pelajaran untuk mendapatkan Masters dalam pendidikan. Kebanyakan guru yang melanjutkan pelajaran adalah berumur di antara 25 tahun ke atas dan semestinya guru-guru ini telah pun mempunyai keluarga. Ini bermakna, mereka telah mempunyai tanggungjawab sebagai seorang isteri/ibu atau pun suami/bapa. Namun, tujuan sebenar pendidikan ialah untuk mengadakan sepenuhnya

pengalaman pendidikan yang dikehendaki yang membolehkan seseorang itu menghasilkan perubahan yang optima dari segi fizikal, sosial, emosi dan ekonomi.

Selain reformasi dalam pendidikan, faktor ingin meningkatkan pendapatan telah mendorong para guru melanjutkan pelajaran selain ingin dihormati dan dipandang tinggi pada mata masyarakat. Ini kerana, seseorang individu akan dipandang tinggi dan dihormati jika mempunyai tahap ilmu yang tinggi (Faridah, 2000).

### **PERNYATAAN MASALAH**

Langkah melanjutkan pelajaran para guru ini merupakan usaha yang patut dibanggakan, namun pastinya akan menimbulkan masalah dan kesulitan kepada mereka. Ada di antara mereka yang turut membawa keluarga berpindah ke tempat pengajian dan ada juga yang meninggalkan keluarga di tempat asal mereka. Kesannya, anak-anak mungkin kurang mendapat kasih sayang dan perhatian daripada ibu atau bapa mereka.

Bagaimana pula dengan para isteri/suami yang terpaksa berjauhan dengan suami/isteri masing-masing? Sudah pastinya mereka merasa kesunyian apabila orang yang selama ini menjadi teman hidup tidak lagi tinggal sebumbung. Mungkin hanya pada hujung bulan atau cuti semester saja mereka dapat bersama. Mereka juga kehilangan tempat buat sementara waktu bagi mengadu dan berkongsi masalah. Segala keperluan hidup terpaksa ditanggung sendirian kerana bimbang akan memberi kesan terhadap pelajaran si isteri atau si suami.

Menyentuh aspek pembelajaran pula, timbul persoalan adakah mereka dapat belajar dengan sempurna setelah lama meninggalkan pengajian. Daripada aspek ekonomi, sudah pastinya mereka tidak lari dari masalah kewangan. Seandainya pasangan mereka bekerja, sudah pastinya beban ini kurang dirasakan. Namun, bagaimana pula dengan mereka yang mempunyai pasangan yang tidak bekerja dan terpaksa menanggung beban hutang yang banyak di samping terpaksa menyekolahkan anak-anak?

Jika dilihat daripada aspek masyarakat pula, kehilangan orang yang selama ini banyak memberi khidmat dan bakti amat dirasakan. Mungkin ada di antara para guru yang melanjutkan pelajaran memegang beberapa jawatan penting dalam sesebuah persatuan di sekolah atau pun di luar sekolah. Walaupun bilangan yang melibatkan secara aktif tidak ramai namun pemergian mereka untuk melanjutkan pelajaran sedikit sebanyak mengganggu perjalanan sistem dalam sesebuah persatuan. Oleh itu penyelidik berasa tertarik untuk mengkaji dengan lebih lanjut masalah-masalah yang dihadapi oleh para guru yang berkeluarga dan melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

### **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti permasalahan di kalangan guru yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran. Persoalan kajian ini pula adalah seperti berikut:

1. Sejauh mana hubungan kekeluargaan di kalangan guru yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran terjejas?
2. Sejauh mana guru yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran menghadapi masalah kewangan?
3. Sejauh mana guru yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran menghadapi masalah pengurusan masa?
4. Sejauh mana guru yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran menghadapi masalah pembelajaran?
5. Sejauh mana hubungan di antara guru yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran dengan masyarakat sekeliling terjejas?

## METODOLOGI

Sampel terdiri daripada 100 orang guru berkeluarga dan sedang melanjutkan pelajaran di UTM yang terdiri daripada 70 lelaki dan 30 perempuan. Kajian adalah berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik yang terdiri daripada 2 bahagian A dan B. bahagian A mengandungi soalan-soalan untuk mengumpul maklumat latarbelakang responden manakala bahagian B mengandungi 25 item pernyataan berdasarkan 5 persoalan kajian. Respon kepada item menggunakan skala Likert 5 markat iaitu 1-sangat tidak setuju(STS), 2-tidak setuju (TS), 3-tidak pasti (TP), 4-setuju (S) dan 5-sangat setuju (SS).

Penilaian terhadap tahap masalah adalah berdasarkan min item-item dalam setiap persoalan yang dikaji dan dikategorikan seperti berikut:

1.00 – 2.00	Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Rendah
4.01 – 5.00	Tinggi

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1, 2, 3 dan 4 menunjukkan latarbelakang responden. 65% (65 orang) daripada golongan lelaki merupakan kaum Melayu, 2 % (2 orang) daripada kaum Cina, 1 % (seorang) daripada golongan India dan selebihnya daripada golongan lain-lain. Bagi golongan perempuan pula, seramai 27% (27 orang) daripada kaum Meiyau dan 3% (3 orang) daripada kaum Cina.

**Jadual 1: Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina dan kaum**

	<b>Melayu</b>	<b>Cina</b>	<b>India</b>	<b>Lain-lain</b>	<b>Jumlah</b>
Lelaki	65 (65%)	2 (2%)	1 (1%)	2 (2%)	70 (70%)
Perempuan	27 (27%)	3 (3%)	-	-	30 (30%)
<b>Jumlah</b>	<b>92</b> <b>(92%)</b>	<b>5</b> <b>(3%)</b>	<b>1</b> <b>(1%)</b>	<b>2</b> <b>(2%)</b>	<b>100</b> <b>(100%)</b>

**Jadual 2: Bilangan dan peratusan responden mengikut kategori umur**

<b>Umur</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
21 – 30 tahun	22	22
31 – 40 tahun	68	68
41 – 50 tahun	10	10
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Pengkaji telah mengkategorikan umur kepada tiga peringkat seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Secara keseluruhannya, seramai 68% (68 orang) responden berumur di antara 31 hingga 40 tahun, 22% (22 orang) berumur sekitar 21 hingga 30 tahun manakala 10% (10 orang) pula berumur antara 41 hingga 50 tahun.

Jadual 3 menunjukkan bilangan anak yang dimiliki oleh seseorang responden. Secara keseluruhannya, kebanyakan responden mempunyai seramai 1 hingga 2 anak. Seramai 52% (52 orang) responden mempunyai bilangan anak 1 hingga 2. Ini diikuti pula dengan responden yang mempunyai bilangan anak 3 hingga 4 iaitu seramai 40% (40 orang). Seramai 6% (6 orang) responden memiliki bilangan anak 5 hingga 6 dan hanya 21% (2 orang) responden mempunyai bilangan anak 7 orang ke atas.

**Jadual 3: Bilangan dan peratusan responden mengikut kategori bilangan anak**

<b>Bilangan Anak</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
1 – 2	52	52%
3 – 4	40	40%
5 – 6	6	6%
7 ke atas	2	2%
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100%</b>

Berdasarkan Jadual 4 sebahagian besar responden tinggal dengan kawan-kawan iaitu (54%). Ada juga tinggal dengan keluarga sendiri (34%) dan hanya 5% memilih untuk tinggal di asrama. Selebihnya iaitu 11% tinggal di lain-lain tempat (contohnya: sewa bilik dalam sesebuah rumah).

**Jadual 4: Senarai tempat tinggal responden**

<b>Tempat Tinggal</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Asrama	5	5%
Keluarga sendiri	30	30%
Kawan-kawan	54	54%
Lain-lain	11	11%
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100%</b>

*Persoalan Kajian 1: Sejauh mana hubungan kekeluargaan di kalangan guru yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran terjejas?*

Berdasarkan Jadual 5, menunjukkan responden bersetuju dengan pernyataan-pernyataan yang dikemukakan. Puara min keseluruhan iaitu 3.94 berada pada tahap sederhana rendah yang menunjukkan responden kurang menghadapi masalah daripada aspek hubungan kekeluargaan.

**Jadual 5: Respon terhadap masalah hubungan kekeluargaan**

No.	Soalan	STS	S	TP	S	SS	Min
1	Hubungan komunikasi saya dengan isteri/suami tidak terjejas walaupun sibuk dengan kuliah dan tugas.	0	7 (7%)	3 (3%)	44 (44%)	46 (46%)	4.29
2	Anak-anak memahami tugas saya sebagai seorang pelajar.	2 (2%)	10 (10%)	27 (27%)	39 (39%)	22 (22%)	3.69
3	Saya mempunyai masa untuk memeriksa buku persekolahan anak-anak saya.	0	9 (9%)	8 (8%)	66 (66%)	17 (17%)	3.91
4	Pasangan saya tidak pernah merungut akan kesibukan saya.	0	19 (19%)	3 (3%)	55 (55%)	23 (23%)	3.82
5	Status sebagai seorang pelajar tidak membataskan saya untuk menjalin ikatan kekeluargaan yang erat.	1 (1%)	6 (6%)	9 (9%)	54 (54%)	30 (30%)	4.06
	<b>Purata Min</b>						<b>3.95</b>

Min tertinggi pada item 1 iaitu 4.29 yang berkaitan komunikasi dengan pasangan mereka, menunjukkan mereka bersetuju bahawa ianya tidak terjejas walaupun sibuk dengan pelajaran. Seterusnya jika dilihat pula min yang terendah iaitu item 2 (3.69) yang mana berkenaan sikap anak-anak responden di mana adakah anak-anak responden memahami kesibukan tugas ibu/bapa mereka sebagai seorang pelajar, didapati 22% (22 orang) daripada responden menjawab sangat setuju dan 39% (39 orang) pula menjawab setuju. Walaupun ramai yang menjawab setuju tetapi dalam pada masa yang sama, peratus responden yang menjawab tidak pasti juga adalah tinggi iaitu 27% (27 orang). 10% (10 orang) pula tidak bersetuju manakala selebihnya iaitu 2% (2 orang) menjawab sangat

tidak setuju terhadap pernyataan yang dikemukakan kepada mereka. Ini bermakna, mereka setuju bahawa anak-anak mereka memahami tugas mereka sebagai pelajar.

*Persoalan Kajian 2: Sejauh mana guru yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran menghadapi masalah kewangan?*

Jadual 6 menunjukkan respon yang berkaitan masalah kewangan. Purata min adalah 2.82 iaitu di tahap sederhana tinggi. Ini bermakna guru yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran di UTM tidak setuju bahawa mereka tidak menghadapi masalah kewangan. Jika dilihat kepada min yang tertinggi iaitu 3.67 pada item 10 yang berkaitan kebijaksanaan responden dalam menguruskan hal kewangan, ramai di antara responden bersetuju dengan pernyataan tersebut dengan mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu 57% (57 orang). Peratus yang menjawab sangat setuju pula ialah 12% (12 orang). 2% (2 orang) responden pula menjawab sangat tidak setuju, 10% (10 orang) responden menjawab tidak setuju manakala selebihnya iaitu 19% (19 orang) menjawab tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersetuju mereka bijak menguruskan hal kewangan.



**Jadual 6: Respon terhadap masalah hubungan kewangan**

No.	Soalan	STS	S	TP	S	SS	Min
6	Saya mampu membayar yuran pengajian tanpa bantuan atau pinjaman.	31 (31%)	49 (49%)	1 (1%)	15 (15%)	4 (4%)	2.12
7	Pendapatan saya mencukupi untuk menanggung keluarga.	16 (16%)	45 (45%)	4 (4%)	28 (28%)	7 (7%)	2.65
8	Saya tidak meminjam wang untuk keperluan makan/minum saya semasa menuntut di universiti.	12 (12%)	40 (40%)	7 (7%)	29 (29%)	12 (12%)	2.89
9	Saya tidak menghadapi masalah kewangan untuk membeli keperluan bagi membuat tugas/projek.	14 (14%)	42 (42%)	6 (6%)	31 (31%)	7 (7%)	2.75
10	Saya bijak menguruskan hal kewangan	2 (2%)	10 (10%)	19 (19%)	57 (57%)	12 (12%)	3.67
	<b>Purata Min</b>						<b>2.82</b>

Min yang terendah iaitu 2.12 pada item 6 berkaitan kemampuan responden dalam membayar yuran pengajian tanpa bantuan atau pinjaman. Ramai di kalangan responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan. Seramai 31% (31 orang) responden menjawab sangat tidak setuju dan 49% (49 orang) responden pula menjawab tidak setuju. 4% (4 orang) daripada responden menjawab sangat setuju manakala 15% (15 orang) responden menjawab setuju. Hanya 1% (1 orang) responden yang menjawab tidak pasti. Ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak bersetuju bahawa mereka mampu membayar yuran pengajian tanpa bantuan atau pinjaman.

*Persoalan Kajian 3: Sejauh mana guru yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran menghadapi masalah pengurusan masa?*

Berdasarkan Jadual 7, secara keseluruhannya min 3.72 menunjukkan bahawa responden bersetuju mereka kurang menghadapi masalah dalam pengurusan masa, iaitu pada tahap sederhana rendah.

Merujuk kepada min tertinggi iaitu 4.25 pada item 13, jelas menunjukkan bahawa para responden bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan kepada mereka berkenaan ketepatan masa dalam menyiapkan tugas.

**Jadual 7: Respon terhadap masalah pengurusan masa**

No.	Soalan	STS	S	TP	S	SS	Min
11	Saya membuat jadual waktu peribadi bagi mengawal aktiviti harian saya.	2 (2%)	30 (30%)	20 (20%)	44 (44%)	4 (4%)	3.18
12	Saya menghadiri waktu kuliah tepat pada masanya.	-	8 (8%)	6 (6%)	57 (57%)	29 (29%)	4.07
13	Saya menyiapkan tugas pada masa yang telah ditetapkan.	-	4 (4%)	2 (2%)	59 (59%)	35 (35%)	4.25
14	Saya tidak pernah ponteng kuliah untuk menyiapkan tugas.	6 (6%)	72 (72%)	8 (8%)	14 (14%)	-	3.19
15	Saya menghabiskan masa hujung minggu untuk bersama keluarga.	5 (5%)	6 (6%)	8 (8%)	44 (44%)	37 (37%)	4.02
	<b>Purata Min</b>						<b>3.72</b>

Seramai 59% (59 orang) responden menjawab setuju dan 39% (39 orang) responden menjawab sangat setuju. Peratus responden yang menjawab setuju ialah 4% (4 orang) manakala hanya 2% (2 orang) responden yang menjawab tidak pasti. Tiada responden menjawab sangat tidak setuju. Dapatan min tersebut menunjukkan responden bersetuju bahawa mereka dapat menyiapkan tugas pada masa yang telah ditetapkan.

Nilai min yang terendah iaitu 3.18 pada item 11, berkenaan jadual waktu peribadi berada pada tahap sederhana rendah. Peratus yang menjawab setuju adalah 44% (44 orang) dan peratus responden yang menjawab sangat setuju ialah 4% (4 orang). Seramai 20% (20 orang) berasa tidak pasti, di mana merupakan peratus yang agak tinggi. Ini mungkin responden membuat jadual secara tidak formal dan berdasarkan keperluan semasa sahaja. Peratus responden yang menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju pula masing-masing adalah 30% (30 orang) dan 2% (2 orang). Ini menunjukkan bahawa responden setuju bahawa mereka membuat jadual waktu peribadi bagi mengawal aktiviti harian.

*Persoalan Kajian 4: Sejauh mana guru yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran menghadapi masalah pembelajaran?*

Jadual 8 menunjukkan respons terhadap masalah pembelajaran. Purata keseluruhan min adalah 3.62 iaitu berada pada tahap sederhana rendah. Ini menunjukkan responden bersetuju bahawa mereka kurang menghadapi masalah dalam pembelajaran.

Merujuk kepada item 18 yang mencatatkan min tertinggi iaitu 3.78, di dapati lebih separuh responden menjawab setuju iaitu 66% (66 orang) dan 13% (13 orang) responden sangat bersetuju dengan pernyataan berkaitan rasa ketidak bosanan untuk belajar. Hanya 1% (seorang) responden yang menjawab sangat tidak setuju, 12% (12 orang) yang tidak bersetuju dan selebihnya iaitu 8% (8 orang) menjawab tidak pasti. Min keseluruhan yang diperoleh bagi item ini menunjukkan responden setuju bahawa mereka tidak bosan untuk belajar walaupun telah lama meninggalkan alam pengajian.

**Jadual 8: Respon terhadap masalah pembelajaran**

No.	Soalan	STS	S	TP	S	SS	Min
16	Saya mudah untuk memahami apa yang diajar oleh pensyarah.	-	14 (14%)	8 (8%)	72 (72%)	6 (6%)	3.70
17	Saya dapat menerima cara pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah.	1 (1%)	11 (11%)	21 (21%)	63 (63%)	4 (4%)	3.58
18	Saya tidak bosan untuk belajar walaupun telah lama meninggalkan alam pengajian.	1 (1%)	12 (12%)	8 (8%)	66 (66%)	13 (13%)	3.78
19	Saya tidak menerima gangguan daripada kawan-kawan semasa sedang mengulangkaji pelajaran.	4 (4%)	17 (17%)	14 (14%)	53 (53%)	12 (12%)	3.52
20	Saya dapat mengingat apa yang diajar oleh pensyarah dengan baik.	-	15 (15%)	25 (25%)	54 (54%)	6 (6%)	3.51
	<b>Purata Min</b>						<b>3.62</b>

Min yang terendah iaitu 3.51 pada item 20 berkaitan daya ingatan responden terhadap apa yang diajar oleh pensyarah, 6% (6 orang) sangat setuju dan 54% (54 orang) setuju dengan pernyataan yang diberikan serta 15% (15 orang) tidak bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan. Sungguhpun begitu, tiada seorang responden pun yang menyatakan sangat tidak setuju manakala selebihnya iaitu (25%) (25 orang) menyatakan tidak pasti. Min bagi item 20 ini menunjukkan bahawa responden setuju dengan pernyataan bahawa mereka dapat mengingat apa yang diajar oleh pensyarah.

*Persoalan Kajian 5: Sejauh mana hubungan di antara guru yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran dengan masyarakat sekeliling terjejas?*

Jadual 9 menunjukkan pernyataan dan min bagi masalah hubungan dengan masyarakat. Secara keseluruhannya, responden kurang menghadapi masalah dengan masyarakat. Ini bermakna mereka setuju bahawa mereka kurang menghadapi masalah hubungan dengan masyarakat.

**Jadual 9: Respon terhadap masalah hubungan dengan masyarakat**

No.	Soalan	STS	S	TP	S	SS	Min
21	Saya mampu menyeimbangkan masa antara belajar dengan masa untuk menjalankan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat	1 (1%)	16 (16%)	23 (23%)	55 (55%)	5 (5%)	3.47
22	Saya mempunyai masa untuk melibatkan diri dengan aktiviti masyarakat setempat yang dijalankan oleh jiran-jiran saya.	11 (11%)	3 (3%)	77 (77%)	9 (9%)	7 (7%)	3.84
23	Pengajian saya tidak membataskan saya untuk berkomunikasi dengan jiran-jiran.	3 (3%)	12 (12%)	10 (10%)	69 (69%)	6 (6%)	3.63
24	Tidak terdapat perbezaan daripada aspek kemesraan antara saya dengan jiran sebelum dan semasa melanjutkan pelajaran.	2 (2%)	18 (18%)	17 (17%)	58 (58%)	5 (5%)	3.46
25	Saya tidak menjadikan kesibukan saya sebagai pelajar untuk mengelak daripada bekerjasama dengan jiran untuk bergotong royong.	1 (1%)	12 (12%)	13 (13%)	67 (67%)	7 (7%)	3.67
	<b>Purata Min</b>						<b>3.61</b>

Min tertinggi iaitu 3.84 pada item 22 yang berkaitan penglibatan responden dalam aktiviti setempat, sebahagian besar responden iaitu 77% (77 orang) bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan dan 9% (9 orang) pula menyatakan sangat bersetuju. Sejumlah 11 % (11 orang) responden menyatakan tidak setuju namun tiada seorang pun yang menyatakan sangat tidak setuju manakala selebihnya iaitu 3% (3 orang) menyatakan tidak pasti. Min keseluruhan bagi persoalan iaitu 3.61 berada pada tahap sederhana rendah dan ini menjelaskan bahawa responden setuju mereka mempunyai masa untuk melibatkan diri dengan aktiviti masyarakat setempat. yang dijalankan oleh jiran-jiran mereka .

Berdasarkan analisis data dan perbincangan di atas, permasalahan-permasalahan yang dikaji disusun mengikut tahap seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10.

**Jadual 10: Tahap masalah mengikut keutamaan**

<b>Jenis Masalah</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap</b>
Kewangan	2.82	Sederhana Tinggi
Hubungan Dengan Masyarakat	3.61	Sederhana Rendah
Pembelajaran	3.62	Sederhana Rendah
Pengurusan Masa	3.72	Sederhana Rendah
Hubungan Kekeluargaan	3.96	Sederhana Rendah

Masalah kewangan adalah paling utama dan berada pada tahap sederhana tinggi. Ini diikuti dengan masalah hubungan dengan masyarakat, pembelajaran, pengurusan masa dan terakhir ialah hubungan kekeluargaan yang mana kesemuanya berada pada tahap sederhana rendah.

### **KESIMPULAN**

Dapatan kajian menunjukkan guru-guru masih menghadapi masalah dalam kelima-lima aspek yang dikemukakan iaitu masalah hubungan dengan masyarakat, masalah kewangan, masalah pengurusan masa, masalah pembelajaran dan masalah hubungan dengan masyarakat.

Masalah kewangan yang berada pada tahap sederhana tinggi merupakan masalah utama yang dihadapi oleh para guru yang melanjutkan pelajaran. Guru-guru yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran kurang menghadapi masalah dalam hubungan kekeluargaan. Mereka masih boleh mewujudkan hubungan komunikasi dengan pasangan dan anak masing-masing dengan baik dengan adanya teknologi komunikasi yang semakin murah seperti telefon bimbit, sms, email dan sebagainya. Berkenaan dengan masalah pengurusan masa, masalah pembelajaran dan masalah hubungan dengan masyarakat, mereka masih menghadapi masalah dari aspek-aspek tersebut tetapi berada pada tahap sederhana rendah.

Apa yang penting ialah permasalahan yang wujud ekoran daripada melanjutkan pelajaran perlu dikenalpasti dan diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak-pihak yang terlibat termasuklah pihak Kementerian Pelajaran, universiti (fakulti, pensyarah) dan guru-guru yang terlibat.

## **RUJUKAN**

Faridah Abd Wahab. (2000). "Satu Kajian Kes Di Kalangan Pelajar Wanita Yang Telah Berumahtangga Melanjutkan Pelajaran di UTM: Mengimbangi Tanggungjawab Antara Keluarga Dan Pelajaran." Projek Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan, UTM Skudai. Tidak diterbitkan.

Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.